

# KAJIAN TERHADAP PERKEMBANGAN PELUKIS TEMPATAN: SYLVESTER WIELDING JUSSEM

**Junior Kimwah**  
**Hj. Baharuddin bin Mohd Arus**

---

## ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian terhadap karya catan yang telah dihasilkan oleh pelukis Sarawak iaitu Sylvester Wielding anak Jussem. Pelukis yang lebih dikenali sebagai Sylvester Jussem ini ialah pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau telah menceburi bidang seni lukis dari usia muda dan masih aktif dalam menghasilkan karya seni sehingga kini. Catannya yang bercirikan abstrak ekspresionisme merupakan identiti beliau dalam industri seni khususnya di bumi Sarawak sendiri. Ekoran karyanya yang bersifat abstrak dan dinamik, penulis memilih beliau dan beberapa karyanya untuk dijadikan sebagai bahan penyelidikan. Apa yang ingin dikupas dalam karya beliau, iaitu isu tema dan makna yang tersembunyi dalam setiap coretan ilham di atas kanvas. Namun, tunjang kepada penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti elemen formalistik dan imej yang diselitkan oleh Sylvester Jussem dalam setiap karyanya. Satu kaedah analisis formal dipraktikkan dan diguna pakai dalam mengenal pasti elemen formalistik dan imej. Setiap karya yang terpilih akan dikupas dan dikenal pasti dengan teliti mengikut struktur analisis formal yang telah diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman. Justeru, penyelidikan ini akan merungkai elemen formal seni dan imej di samping pendedahan makna ikon dalam karya yang dihasilkan oleh Sylvester Jussem.

**Kata kunci:** Analisis formalistik, unsur seni, prinsip rekaan, bentuk, makna.

## ABSTRACT

*This research is a study of the works of paintings that were produced by Sarawak painter, Sylvester Wielding anak Jussem. The painter that also known as Sylvester Jussem, is a lecturer at the Faculty of Applied and Creative Arts, University of Malaysia Sarawak (UNIMAS). He has been involved in art from a young age and still active in producing works of art until now. His painting characterized by abstract expressionism and that was his identity in the industry, especially in Sarawak state*

*itself. Due to his abstract and dynamic work, the researchers choses him and some of his work to be used as research material. Was his work related to any issues, themes and meanings which hidden in each stroke of inspiration? However, the cornerstone of this research was to identify the elements of the formalistic and images infused by Sylvester Jussem in each work. A formal analysis methods practiced and applied to identifying the formalistic elements and images. Each of the selected works will be explored and identified closely according to the structure of formal analysis introduced by Edmund Burke Feldman. Therefore, this research will unlock the formal elements of art and images in addition to the disclosure of icon meaning in the work produced by Sylvester Jussem.*

**Keywords:** *Formalistic analysis, element of art, principles of design, form, content.*

## PENGENALAN

*“In the context of West Malaysia, modern art began in the 1920's and was centred in Penang. The English Colonial influence is evident in its development. The artists who were active in that period include Abdullah Ariff, Yong Mun Seng, Tay Hooi Keat and Kuo Ju Ping. In Sabah modern art began in the 1930s spear headed by Datuk Simon Yew. Most of the well known artists comprised of school teachers. In Sarawak artists became active after 1945 after the Second World War” (Mary Anne Vas, 2007: 4).*

Aktiviti kesenian di Sarawak khususnya seni lukis kurang mendapat perhatian. Rekod-rekod lampau mengenai sejarah seni lukis Sarawak menunjukkan kegiatan seni lukis ini hanya berlaku di sekitar bahagian Bandaraya Kuching. Kegiatan seni lukis kurang diberi perhatian kerana aktiviti industri kraf tangan lebih menjamin sumber pendapatan pada ketika itu.

Selepas Perang Dunia ke-2 dan penyatuan Sarawak dalam Tanah Melayu, aktiviti perkembangan seni di Sarawak semakin menggalakkan. Satu interpretasi kesenian jelas dilihat dalam penghasilan kraf tangan penduduk peribumi Sarawak sehinggalah kedatangan pengaruh baharu yang memperkenalkan kepentingan lain kerja seni yang mempunyai maksud dan fungsi yang berbeza.

Dalam konteks baharu ini, alam tidak lagi satu simbol kepada ketenangan. Penghasilan sesuatu karya indah dan menarik untuk menguasai sesuatu yang baharu selagi tidak berlawanan atau mencabar kepercayaan yang dianuti. Kesenian berbentuk dua dimensi telah menarik ramai peminat dalam kalangan masyarakat peribumi Sarawak. Aktiviti seni lukis telah berkembang di Sarawak khususnya Bandaraya Kuching.

Dengan penubuhan institusi seperti Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai UiTM) pada tahun 1967 yang menawarkan kursus Seni Halus dan pada tahun 1972, Universiti Sains Malaysia (USM) juga telah memperkenalkan kursus Seni Halus, malah UNIMAS juga telah menawarkan kursus berkaitan seni sekitar tahun 1990-an, maka lebih ramai graduan lulusan bidang ini dihasilkan. Berbekalkan pendidikan secara formal dalam bidang seni halus, berlaku anjakan paradigma dalam senario seni di negeri Sarawak. Perkara ini sekali gus memberi impak besar dalam pembangunan industri seni di Sarawak.

Artikel ini akan membincangkan tentang seorang pelukis tempatan yang telah menempa nama di dalam dan luar negara. Beliau dikenali kerana memiliki 'style' atau gaya yang tersendiri apabila menyebut mengenai karya seninya. Pelukis ini dilahirkan di daerah Bau, Kuching dan mula memupuk minat terhadap bidang seni halus dari persekolahan dan kini menjawat jawatan sebagai pensyarah di UNIMAS.

### **SYLVESTER WIELDING JUSSEM**

Sylvester Wielding anak Jussem atau lebih dikenali sebagai Sylvester Jussem merupakan seorang pelukis yang berasal dari negeri Sarawak. Beliau dilahirkan di Bau, Kuching pada tahun 1962. Sylvester Jussem berbangsa Bidayuh dan kini bekerja sebagai seorang pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS. Kini, beliau sudah menyandang jawatan sebagai pensyarah kanan setelah berkhidmat di institut pengajian awam itu selama sepuluh tahun.



**Foto 1** Sylvester Wielding Jussem di pejabat FACA<sup>1</sup>, UNIMAS.

Sebelum menjawat jawatan sebagai pensyarah, Sylvester Jussem merupakan seorang artis bebas yang menghasilkan karya catan sebagai sumber pendapatan. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau menumpukan perhatian dalam bidang pengkaryaan dan menghasilkan banyak karya catan beraliran abstrak ekspresionisme. Karya beliau ini mendapat sambutan tidak kira dari dalam dan luar negara. Hal ini terbukti dengan hasil jualan karyanya dalam acara *auction* di luar negara.

Selain berbakat dalam seni halus, beliau juga mahir menggunakan perisian digital dalam menghasilkan karya berbentuk digital seperti reka bentuk digital, ilustrasi grafik dan lain-lain. Kebolehannya yang meluas membolehkan beliau menimba pengalaman dengan menyertai banyak pameran. Daripada situ, nama beliau semakin melonjak naik dan mendapat perhatian daripada penggiat seni negara.

Antara pameran yang telah diterajui oleh beliau iaitu *Ngajah Duah Sua*,<sup>2</sup> iaitu Pameran Pelukis-Pelukis Sarawak (*Sarawak Artists Society*) yang diadakan di Balai Seni Lukis Negara pada tahun 2000. Sejumlah pelukis Sarawak telah berganding bahu sama-sama menjayakan pameran julung kalinya yang disertai oleh para pelukis dari Sarawak. Melalui pameran ini, nama beliau juga diangkat seiring dengan beberapa pelukis ternama tanah air dan hasil daripada pameran tersebut, dua karya beliau telah dijadikan himpunan tetap di Balai Seni Lukis Negara (kini dikenali sebagai Balai Seni Visual Negara).



**Foto 2** Sylvester Jussem berkongsi lakaran secara rakaman visual beliau semasa merantau di dalam dan luar negara.

Beliau berkongsi tentang perjalanan hidupnya menempuh alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian. Semasa meneruskan kehidupan sebagai pelukis sepenuh masa, beliau kemudian ditawarkan menjadi pensyarah di *La Salle College of the Arts* di Telok Kurau, Singapura pada tahun 1990.

Namun setelah mengajar selama enam bulan, beliau tidak dapat menghayati kehidupan seni seperti dulu dan memutuskan untuk kembali ke negeri Sarawak. Setelah itu, beliau bergiat aktif dalam *Sarawak Artists Society* (SAS). Tidak lama kemudian, beliau ditawarkan menjadi pensyarah di UNIMAS atas faktor kepimpinannya menerajui *Sarawak Artist Society* selama dua penggal.

### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Sylvester Jussem mula meminati seni lukis pada usia 15 tahun. Ketika itu, beliau masih berada di bangku sekolah lagi apabila buat pertama kalinya melihat seorang bapa saudaranya iaitu Raphael Scott Ahbeng menghasilkan satu catan dan mencurahkan '*passion*' dan kreativiti ke dalam catan itu. Malah, Sylvester Jussem meyakinkan dirinya bahawa dia juga mampu menghasilkan seni seperti itu. Seorang guru sekolah menengahnya iaitu Encik Lee Hock Kia mula membimbingnya dalam menceburi bidang ini dengan lebih jauh.

*"Active in St Joseph's Art Club. Learning watercolour lessons from Uncle Raphael. I was very fortunate that I was encouraged by living art mentors mentioned above."*

(Sumber: Temu bual pada 6 November 2015)

Beliau juga didorong oleh bapa saudaranya Raphael Scott Ahbeng<sup>3</sup> dan sangat terhutang budi terhadap mentornya itu. Beliau berasa sangat bertuah kerana mendapat galakan dan sokongan daripada seorang pelukis yang ternama. Pada masa yang sama, beliau menjadi aktif dalam persatuan seperti *St. Joseph's Art Club*. Sylvester Jussem mengakui bahawa dia tidak pernah mengambil sebarang kelas mahupun tutorial seni, sebaliknya hanya belajar menggunakan cat air daripada bapa saudaranya itu. Beliau turut "*Represented Malaysia in 1<sup>st</sup> ASEAN Youth Art Painting Workshop in Chulalongkorn University, Bangkok, Thailand 1983*".

(Temu bual pada 1 Disember 2015)



**Foto 3** Karya pelukis Raphael Scott Ahbeng diletakkan paling hadapan pada ruangan pameran SAS di The Spring Mall, Kuching.

Pembelajaran seni lukisnya bermula di tingkatan lima pada tahun 1977 dan seterusnya ke tingkatan enam pada tahun berikutnya. Pendedahan terhadap seni lukis masih berada pada tahap minimal ketika itu. Sehingga beliau mula menuntut di Institut Teknologi MARA (ITM)<sup>4</sup>, Shah Alam. Pada ketika itu, beliau menerima pendedahan luas dalam seni lukis melalui kursus seperti Sejarah Seni, Penyelidikan Visual, dan akhirnya beliau mengkhusus dalam catan dan *minor* beliau ialah *printmaking*<sup>5</sup>.

Merujuk pernyataan di atas, ini adalah salah satu pencapaian terbaik beliau bergelar mahasiswa. Sepanjang bergelar pelajar juga, beliau pernah memenangi beberapa anugerah antaranya *Grand Prize Watercolour Competition* kategori *Secondary School Art Competition*, Kuching pada tahun 1976. Pada tahun 1995 beliau juga telah memenangi *1st Prize Trip to Paris, Malaysia National Day Open Art Competition* yang diadakan di Kota Kinabalu Sabah. Pada tahun 2004, beliau juga telah mewakili Malaysia dalam *ASEAN Creative Camp and Art Exhibition* di Tan Chuan Island, Hanoi.

## KECENDERUNGAN DAN MINAT



**Foto 4** *Borneo Highland Series* (2001), akrilik

Sejak melibatkan diri dalam bidang seni lukis, Sylvester Jussem sangat meminati catan aliran abstrak ekspresionisme. Beliau juga cenderung untuk merujuk beberapa pelukis kegemarannya daripada pelopor aliran ini seperti Willem de Kooning, Sam Francis dan Winslow Homer yang berasal dari Amerika Syarikat. Selain itu, Sylvester Jussem juga merujuk beberapa artis tempatan seperti Latif Mohidin dan Jailaini Abu Hassan kerana kedua-dua pelukis ini sangat konsisten dalam menghasilkan karya abstrak ekspresionisme.



**Foto 5** Sylveter Jussem dan karyanya dalam pameran terbaru bersama persatuan *Sarawak Artists Society* (SAS) di The Spring Mall, Kuching, Sarawak.

Selain itu, Sylvester Jussem juga berbakat dalam seni lukisan, cetakan dan fotografi. Beliau menyanjung tinggi pelukis seperti Suleiman Isa dan Ponirin Amin kerana berpendapat kedua-dua pelukis ini banyak membaca dan berpengetahuan luas dalam ilmu seni lukis. Aliran abstrak ekspresionisme telah banyak mempengaruhi beliau dalam berkarya.

Tokoh seperti Willem de Kooning dan Elaine de Kooning adalah antara kegemarannya dan beliau pernah mengunjungi *New York Gallery Art Shows* pada tahun 1985 dan 1987. Sylvester Jussem sangat menggemari aliran ini kerana menurutnya, *Spontaneous content of loose brushstrokes, scraping, roller effects, printmaking effects. Produces surface activation of colour layering* (sapuan berus yang spontan, melorek, kesan sapuan rata, kesan cetakan menghasilkan satu permukaan yang berkesan dalam menghasilkan lapisan warna).

### **AKTIVITI PENGKARYAAN DAN PENGEMBARAAN**

Sebelum menghasilkan karya, seorang pelukis memerlukan ilham untuk dijadikan inti pati dalam karya mereka. Begitu juga dengan Sylvester Jussem, beliau gemar melihat kepada gambar jurnal seni untuk menyemarakkan kreativiti dan akan mula bekerja sejurus itu. Sylvester Jussem juga gemar mengembara untuk mencari inspirasi yang terilham oleh alam sekitar yang di sekelilinginya. Beliau akan mengambil sejumlah gambar untuk dijadikan koleksi gambar peribadinya. Namun, beliau sangat *'picky'*<sup>6</sup> dalam memilih *'subject matter'* lantas menyukarkannya dalam membuat pemilihan. Cabaran inilah yang mendorong beliau untuk berani keluar mengembara bagi mencari ilham yang unik dan istimewa buat dirinya. Kini, beliau tertarik kepada hubungan budaya dan membuat penyelidikan terhadap kebudayaan tersebut. Beliau menggunakan penyelidikan ini untuk dijadikan sebagai tontonan awam dan berharap pengamat seni boleh menghargai budaya ini melalui kaca mata mereka.



**Foto 6** Lakaran monumen semasa melawat Indonesia.

(Sumber: Koleksi peribadi pelukis)

Sylvester Jussem berpendapat,

*“Draw the image (subject matter) big to letting the feel through the psychological effects that the image might have on the viewer. The rest refers to the application of elements and principles of art in paintings.”*

(Sumber: Temu bual pada 1 Disember 2015)

Dalam menghasilkan karya catan, beliau kerap menggunakan teknik lapisan warna, *transparency*<sup>7</sup> dan jalinan. Bahan warna yang paling kerap digunakan ialah cat akrilik. Kini, beliau juga sedang berjinak-jinak dengan bahan warna lain iaitu cat minyak. Karya beliau kini hanya tinggal sedikit. Hal ini disebabkan tuntutan kerjayanya sebagai pensyarah telah mengakibatkan beliau menghadapi kekangan masa, namun bagi beliau hal ini hanya alasan. Bagi dirinya, *“born an artist must produce artworks.”*




**Foto 7** Suasana studio Sylvester Jussem, gemar berkarya di luar rumah untuk mendapat pencahayaan yang benar-benar berkesan.

Pada tahun 1980-an, Sylvester Jussem sangat dipengaruhi oleh aliran abstrak ekspresionisme namun secara perlahan beliau mula beralih ke catan berbentuk ilustrasi naratif semenjak mengajar kursus *Graphic Fundamental*. Aktiviti mengajar kursus ini memerlukan beliau untuk membuat demonstrasi melukis dan perkara ini yang telah mempengaruhi haluan bentuk karyanya, tetapi beliau menyatakan perkara ini hanyalah bersifat sementara.

Apabila ditanya tentang unsur perlambangan dalam imej yang digunakan dalam setiap karya, beliau berkongsi pendapat tentang beberapa isu yang dijadikan topik dalam karyanya. Beliau tidak kekuk untuk menyuarakan pendapat khususnya isu politik yang digunakan dalam karya beliau iaitu '*Crab Mentality*' yang berbentuk ilustrasi naratif. Menurutnya, '*Crab Mentality*' described "*If I can't have it, neither can you. People who do not want others to succeed.*"

Setiap karya mempunyai makna walaupun pada mulanya beliau bermula secara spontan dan tidak membawa apa-apa makna. Namun, itu adalah sebahagian daripada proses awal pengkaryaan. Ilham itu datang dengan sendiri dan akhirnya setiap palitan warna di permukaan kanvas itu akan membawa makna yang tersurat mahupun tersirat.



**Foto 8** Catatan naratif dalam karya ilustrasi.

(Sumber: Koleksi penulis)

Semua karya seni memiliki '*form*' atau bentuk. Bentuk itu boleh berupa realistik atau abstrak, representasi atau non-representasi, namun dibuat secara cermat dengan persiapan yang matang dan juga melalui ekspresi spontan (M. Dwimariantono, 2006: 74). Misalnya, '*Paku Pakis Series*' diterjemahkan sebagai '*growth*'. Dalam Kamus Bahasa Inggris mendefinisikan '*growth*' membawa maksud pertumbuhan.



**Foto 9** Karya catan yang bertajuk *Paku Pakis* yang melambangkan '*growth*'.

Aspek formalistik boleh diselidiki dengan mengkaji karya tersebut. Sama ada melihat kepada keaslian idea, tahap kesukaran, teknik dan juga pelukisnya. Pelukis itu juga boleh dinilai berdasarkan tahap pendidikan, kredibiliti, karier, reputasi dan populariti. Pengalaman pelukis itu harus dititikberatkan apabila melibatkan nilai keindahan. Pelukis itu yang mengalami sendiri pengalaman visual tersebut.



**Foto 10** Sylvester Jussem sangat arif dalam menghasilkan imej yang terperinci bagi menggambarkan objek sebenar.



**Foto 11** Antara perincian imej secara berulang-ulang yang dihasilkan pada karya beliau.

Sylvester Jussem telah banyak mengembara dan bagi beliau, ia adalah cara untuk mendapatkan ilham, inspirasi dan idea. Pengembaraan ke Semban, Ulu Padawan di Sarawak merupakan satu pengalaman terbaik buatnya. Sylvester Jussem bersama ahli penyelidik yang lain terpaksa meredah hutan berjalan kaki selama lima jam untuk sampai ke destinasi. Sepanjang perjalanan tersebut, beliau diinspirasikan oleh alam semula jadi dan elemen spiritual. Beliau sangat kagum dengan cara hidup kaum Bidayuh di Semban.



**Foto 12** Sylvester Jussem bersama karya terbesar beliau iaitu satu imej kraf tangan kaum Melanau sempena Pesta Kaul.

“Semban adalah sebuah perkampungan masyarakat Bidayuh yang akan hilang ditelan pembangunan tidak lama lagi. Merasakan sesuatu yang sangat penting untuk diutarakan, Sylvester mula merakamkan setiap detik dan kesenian masyarakat Bidayuh di sana agar terus bersemadi di hati generasi mendatang. *Ring Ladies* yang mempunyai gelang tembaga di kaki dan tangan serta spiritual landskapnya menarik minat Sylvester untuk terus menyelusuri bumi Semban. Gelang yang dipakai di tangan dipanggil *Ruyang* dan di betis pula dipanggil *Rasung*. Terdapat hanya lapan orang sahaja lagi *Ring Ladies* yang masih hidup dan difahamkan budaya pemakaian gelang di kaki tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Bidayuh di sana. Selain itu, beliau tertarik dengan tarian tradisional Bidayuh yang dipanggil *Rejang Bouh*.”<sup>8</sup>

Penyelidikan yang dijalankan di Semban adalah mustahak disebabkan budaya kaum Bidayuh yang akan pupus. *Ring Ladies* merupakan satu warisan terakhir kaum Bidayuh di Semban. Kini, jumlah wanita yang masih mengamalkan tradisi memakai gelang tembaga ini hanya seramai lapan orang sahaja. Tiada lagi generasi muda yang ingin mengamalkan tradisi ini. Justeru, amalan ini penting untuk dikaji dan direkodkan. Sylvester Jussem mengambil metodologi penyelidikan berdasarkan kaedah pemerhatian. Satu rakaman visual etnologi telah dibuat bagi mengenal pasti karakter dan memahami secara bersemuka dengan *Ring Ladies*.



**Foto 13** Pewaris tradisi pengamal pemakaian gelang tembaga digelar *Dayung Semban (The Last Ring Ladies)*.



**Foto 14** Gelang tembaga dipakai pada tangan dan betis.

Budaya pemakaian gelang tembaga ini akan pupus sekiranya tiada generasi muda yang akan meneruskan legasi ini. Sylvester Jussem merakamkan setiap satu pemakai yang tinggal untuk dijadikan koleksi dan seterusnya sebagai sumber inspirasi dalam pengolahan karya untuk tatapan masyarakat.

### **ANALISIS FORMALISTIK DAN INTERPRETASI IMEJ DALAM KARYA CATAN SYLVESTER WIELDING JUSSEM**



**Foto 15** *Semban Maidens Performing Traditional Eagle Dance (Rejang Bouh)*  
(2014) Cat Minyak, 121.92 x 152.36 sm.

(Sumber: Koleksi penulis)

Dalam catan bersaiz besar ini (Foto 15), terdapat sepuluh imej wanita sedang menari. Karya ini dihasilkan melalui penggunaan unsur bentuk organik iaitu unsur rupa positif. Imej figura tersebut juga dihiasi dengan hiasan pada tubuh mereka yang jelas kelihatan berwarna putih. Pada bahagian bawah karya pula, terdapat tiga pasang kaki sedang mengunjur lurus dan dihiasi dengan besi tembaga yang dibentuk dengan garisan melingkar.


Pelukis membentuk satu ilusi pergerakan yang dihasilkan dengan aplikasi komposisi yang disusun secara rawak. Menurut pelukis, tarian ini merupakan satu tarian tradisional yang meniru pergerakan burung helang yang sedang terbang. Posisi para penari dilukis secara mudah dan ringkas tanpa perincian. Pelukis secara ekonomi menggunakan warna dengan minimum dan terhad kepada penggunaan teknik sewarna dalam karya ini. Imej ditonjolkan melalui teknik kontra antara subjek dan warna latar yang sewarna.

Menurut Sylvester Jussem,

*"We see a group of figures dancing. Painted in yellow ochre and brown with splashes of intense maroon colour, the scene is bathed in an eerie glow that suggests a nostalgic emotion. The dancing figures are short and stocky and their movements and dress are reminiscent of traditional folk dances. Looming under them are three pair of feet fashioned in traditional brass and unsettling mood of the painting."*

Karya Sylvester Jussem ini menekankan imej bentuk kaki yang dihiasi gelang tembaga sebagai bentuk penegasan karyanya. Beliau ingin menekankan keistimewaan dan keunikan terhadap kaki wanita yang dihiasi dengan *rayung*. Pecahan imej ini jelas sekali menunjukkan imej tiga pasang kaki mengunjur yang membawa maksud jumlah pewaris *Ring Ladies* yang kian berkurangan.

Pada bahagian atas karya *Semban Maidens Performing Traditional Eagle Dance (Rejang Bouh)* ditampilkan dalam rupa positif dan bentuk yang ringkas. Ia bertujuan menyampaikan satu perasaan atau emosi nostalgia berikutan jumlah beberapa orang pewaris *Ring Ladies* yang tinggal. Menurut Sylvester Jussem, imej ini melambangkan roh *Ring Ladies* terdahulu yang telah meninggal dunia dan roh mereka sedang menari tarian tradisi mereka, iaitu sebuah tarian yang meniru pergerakan burung helang yang sedang terbang.



**Foto 16 Semban Porters III (2012)**  
Cat Minyak, 91.44 x 91.44 sm.

(Sumber: Koleksi penulis)

Pelukis menggunakan pendekatan secara ilustrasi yang bersifat naratif dalam menyampaikan idea dan emosi beliau dalam karya ini. Sylvester melukis tujuh imej *porter* dalam catan ini. Pada bahagian bawah karya, pelukis membuat catatan bersifat naratif tentang karya ini. Pelukis menyelitkan elemen garisan pada postur tubuh para *porter*. Penggunaan warna adalah minimal, iaitu *hue*<sup>9</sup> warna bumi kecoklatan dan warna *yellow ochre* sahaja.

Komposisi *porter* yang disusun secara rawak memberi kesan pergerakan dalam catan. Perulangan imej figura ini juga memberi satu kesan harmoni ekor bentuk yang digunakan secara berulang-ulang. Para *porter* kelihatan sedang menyusuri sebuah laluan menuju ke satu destinasi. Hanya warna yang asli dan ekonomik digunakan, iaitu warna daripada nilai warna bumi coklat gelap dan warna perang. Penegasan hanya tertumpu kepada para *porter* sebagai *subject matter* (hal benda) dalam keseluruhan karya.

Ilustrasi Sylvester Jussem melibatkan satu penceritaan naratif berdasarkan pengalaman pengembaraan beliau ke daerah pedalaman Semban. Imej *porter* yang memikul barang berat di belakang mereka adalah satu bukti nyata tentang kesusahan hidup masyarakat di Semban. Untuk ke Semban, Sylvester mencatatkan “*Travel is HELL*” dalam karya ini kerana perjalanan berjalan kaki selama lima jam adalah mencabar dan memenatkan.

Namun, demi meraih pendapatan, para *porter* sanggup memikul barang yang berat sehingga mencecah 90 kilogram. Hasil pemerhatian dan imbasan Sylvester Jussem terhadap peristiwa ini telah menimbulkan inspirasi untuk menghargai jasa para *porter* dalam karya beliau seperti yang dinyatakannya, “*I (merujuk kepada pelukis) was inspired by the rasthess and spiritual character of the landscape, people and the such preserve of ancient culture.*”



**Foto 17** *Sacred Talisman – Collection of a Kampung Semban Shaman*  
(2012) Cat Minyak, 91.44 x 121.92 sm.

(Sumber: Koleksi penulis)

Karya ini menampilkan dua imej kraf yang diguna pakai oleh kaum peribumi. Imej pertama ialah sebuah tangkal yang dihiasi dengan kulit kerang dan siput. Imej kedua pula ialah satu bentuk kraf tangan yang dihasilkan melalui teknik garisan melingkar dan dibentuk seperti bola sepak raga.

Satu komposisi tidak simetri dari segi prinsip keseimbangan digunakan dalam susun atur kedudukan objek. Dua objek ditonjolkan melalui kaedah latar belakang putih memberi kesan penegasan terhadap objek itu. Objek seperti siput dan kulit kerang dihasilkan secara terperinci menghasilkan ciri-ciri lebih tepat terhadap objek tersebut. Jalinan tampak diaplikasikan pada struktur bentuk permukaan siput dan kulit kerang untuk memberi dimensi nyata kepada penghayat seni.

Imej di atas merupakan satu tangkal khas yang digantung pada buaian bayi. Tangkal ini terdiri daripada hiasan kulit siput dan kulit kerang. Kulit-kulit tersebut disimpulkan menjadi satu simpulan besar dan disatukan bersama satu kepingan kayu manis. Kayu manis ini akan menghasilkan satu aroma haruman.

Penggunaan tangkal dipercayai oleh masyarakat peribumi dan berfungsi menjaga bayi.

Ketika buaian diayun, tangkal ini akan berbunyi dan kayu manis itu akan bergerak serentak menghasilkan bau haruman. Bayi akan terpuak dengan pergerakan kulit-kulit itu dan aroma daripada kayu manis akan melelapkan si bayi. Sementara itu, imej kedua adalah satu lingkaran rotan yang dihiris halus dan disimpulkan seperti bola sepak raga. Simpulan rotan ini merupakan satu ikon dalam rumah yang menunjukkan pemilik rumah tersebut mahir dalam pertukangan.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Sylvester Jussem masih giat menghasilkan karya seni visual namun secara berkala. Tuntutan pekerjaannya yang memerlukan perhatian terhadap pelajar menjadikan fokus beliau terhadap aktiviti berkarya agak terbantut. Namun setelah menemu bual beliau secara peribadi, beliau menyatakan akan meluangkan lebih banyak masa untuk berkarya. Hasil pengembaraan beliau telah membuka minda dan sensitivinya terhadap keindahan alam dan persekitaran. Pengalaman keindahan tersebut diabadikannya melalui pengolahan imej secara spontan. Dengan kaedah pengamatan rakaman secara visual, Sylvester Jussem dapat menghayati dan berkarya dari keikhlasan hati beliau.

## NOTA

- <sup>1</sup> FACA merujuk kepada *Faculty of Applied and Creative Arts* iaitu Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- <sup>2</sup> Menurut Sylvester Jussem, *Ngajah Duah Sua* iaitu penggunaan bahasa kaum Bidayuh yang membawa maksud “*to change and follow*”.
- <sup>3</sup> Raphael Scott Ahbeng merupakan salah seorang pelukis tersohor negeri Sarawak dan telah menempa nama dalam industri seni halus di Malaysia.
- <sup>4</sup> Institut Teknologi MARA (ITM) Shah Alam kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- <sup>5</sup> *Printmaking* merupakan satu cabang ilmu dalam seni yang dikenali sebagai cetakan.
- <sup>6</sup> *Picky* merujuk kepada satu sifat ‘terlalu memilih’.
- <sup>7</sup> *Transparency* membawa maksud kesan lut sinar pada karya.
- <sup>8</sup> Dipetik daripada artikel berjudul *Sylvester Jussem: Pengalaman Semban* dalam Akhbar SENI KINI terbitan Balai Seni Visual Negara keluaran BULAN tahun 2009.
- <sup>9</sup> *Hue* atau warna bermaksud pergerakan warna. Contohnya, warna kuning kepada jingga dan seterusnya merah.

## RUJUKAN

- Amran Abdullah & Hamidah Husain. (1993). *Perayaan Gawai*. Petaling Jaya: Persatuan Penerbit Buku Malaysia. Penerbit Prisma Sdn Bhd.
- Balken, D. B. (2005). *Movement in modern art: Abstract expressionisme*. Millbank, London: Tate Publishing, Tate Enterprises Ltd. British Library Cataloguing.
- Gerlings, C. (2006). *100 great artists: A visual journey from Fra Angelico to Andy Warhol*. New York: Arcturus Publishing Limited. Gramercy Books.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2008). *Apresiasi dan kritikan seni visual*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muliyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muliyadi Mahamood. (2001). *Konflik diri dan masyarakat dalam seni*. Dewan Budaya, Disember 2001, hlm. 64–65.
- Muliyadi Mahamood. (2001). *Seni lukis moden Malaysia, era perintis hingga pluralis (1930–1990)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Rashidah A. Salam. (2000). *Penggunaan bahan pribumi dalam pengolahan seni tampak moden*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual. Balai Seni Visual Negara pada 23 hingga 25 Mei 2000.
- Sumber foto karya Sylvester Jussem dalam portal Sarawak Artists Society di alamat <http://www1.sarawak.com.my/org/sas/sjussem/index.html>
- Sumber foto karya Sylvester Jussem dalam portal Sarawakiana di alamat [http://www.pustakasarakawak.com/PustakaSarawak/sarawakiana\\_gallery/authors.php?id=3](http://www.pustakasarakawak.com/PustakaSarawak/sarawakiana_gallery/authors.php?id=3)
- Sylvester Wielding Jussem. 54 tahun, Bau, Kuching, Sarawak. Pensyarah Kanan, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS.
- Vaz, M. A. (2007). *An Interpretive study of the development of a great local artist: Tan Wei Kheng*. Seminar Penyelidikan Pendidikan, Institut Perguruan Batu Lintang.
- Zainal Kling & Norazit Selat. (1994). Pembinaan kebudayaan kebangsaan: Sumbangan masyarakat-masyarakat Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVII (No.68) (New Series): hlm. 101–111.